

BAB V

PERUBAHAN CORAK MOBILISASI DAN KESAN TERHADAP PENGUNDI MELAYU DI KAWASAN CAMPURAN

5.1 Pengenalan

Data agregat di Selangor (bab IV) telah memperlihatkan peralihan undi berlaku antara PRU 11 dan PRU 12 sehingga membolehkan pembangkang berkuasa pada peringkat negeri. Bab ini dimulakan dengan menganalisis latar belakang kawasan kajian, iaitu parlimen Selayang dan Ampang, kedua-duanya terletak di Negeri Selangor. Penduduk di kawasan kajian mengalami pertambahan mendadak semenjak tahun 1990 hasil kejayaan rancangan pembangunan yang dilaksanakan oleh kerajaan BN semenjak dekad 70an. Berikutan kejayaan tersebut, ia menjadi tarikan kepada pelbagai lapisan masyarakat, khususnya dari etnik Melayu untuk bermigrasi, bekerja dan menetap di Selangor.

Tahap pendidikan yang semakin tinggi, perkembangan teknologi maklumat dan dasar-dasar pentadbiran kerajaan BN didapati turut menyumbang kepada meningkatkan tahap literasi di kalangan pengundi Melayu di kawasan kajian. Bab ini akan menunjukkan bagaimana pertembungan dua dimensi literasi politik, iaitu institusi dan idea menghasilkan kekuatan yang berbeza dan ciri-ciri pengundi yang berbeza.

5.2 Latar Belakang Kawasan Kajian: Parlimen Ampang dan Selayang

5.2.1 Pertambahan Penduduk dan Proses Perbandaran

Mengikut bancian pada tahun 1970, sesebuah penempatan dikategorikan sebagai bandar apabila mempunyai 10,000 orang penduduk dan sebanyak 60 peratus penduduknya tidak terlibat dengan kegiatan pertanian. Bancian pada tahun 1980 meletakkan syarat untuk kawasan perbandaran baru, dimana: kawasan metropolitan mesti melebihi 75,000 orang, dan bandar besar mesti melebihi 10,000 orang penduduk (Jabatan Statistik, 1970 dan 1980). Diantara tahun 1980, 1990 dan 2000, Malaysia telah mengalami peningkatan urbanisasi pada kadar 37.5, 54.9 dan 62.0 peratus (9th Malaysia Plan, 2006).


Proses urbanisasi merupakan indikator kepada pencapaian negara dalam usaha meningkatkan tahap sosio-ekonomi dan infrastruktur. Dalam jangkamasa antara 1990-2000, Malaysian Urban Quality Index (MUQLI)⁵⁰ mencatatkan peningkatan sebanyak 5.8 hingga 105.8 mata. Ini menunjukkan peningkatan dalam tahap kualiti kehidupan di Malaysia secara umumnya⁵¹. Walau bagaimanapun, isu-isu yang berkait dengan urbanisasi seperti kemiskinan, pengangguran, perumahan, keselamatan dan pengangkutan awam timbul dari semasa ke semasa⁵².

⁵⁰ Dikeluarkan oleh Unit Perancangan Ekonomi (UPE, 2002)

⁵¹ Responden (Kuala Lumpur, Johor Bharu dan Kuching) yang ditemui dalam kajian tersebut umumnya berpuas hati dengan aspek seperti keluarga, pendidikan, infrastruktur dan kemudahan asas, keselamatan, perumahan, kesihatan, pengangkutan dan tempat kerja

⁵² Dalam aspek perumahan misalnya, sehingga tahun 2000, terdapat masalah dalam pretasi penyediaan perumahan kos rendah (di bawah 50 peratus). Diantara tahun 1996 hingga 2000 contohnya, sejumlah 90,032 unit atau 45 peratus daripada perancangan rumah kos rendah disiapkan. Sementara bagi rumah kos sederhana pula, hanya 44,283 unit atau 12.7 peratus daripada perancangan dicapai (Mohd Razali Agus, 2002). Perkara ini adalah berpunca daripada kurangnya penglibatan pihak swasta yang dikira tidak begitu menguntungkan.

Berikutan kedudukan kawasan kajian, iaitu Parlimen Selayang dan Ampang terletak di pinggir ibu kota Kuala Lumpur, ia tidak terlepas daripada melalui proses pertumbuhan penduduk yang pesat berikutan dengan perkembangan perindustrian dan urbanisasi yang melanda ibu kota semenjak dekad 80an. Perkara ini dapat dilihat menerusi proses persempadanan semula kawasan pilihan raya yang telah di buat beberapa kali di kawasan kajian. Rajah 5.1 di bawah menunjukkan jumlah pengundi berdaftar di Parlimen Selayang dan Ampang daripada tahun 1959 hingga 2008.



Rajah 5.1: Jumlah pengundi berdaftar di Selayang dan Ampang (1959-2008)

Sumber: SPR

Kawasan Parlimen Selayang telah melalui proses persempadanan semula sebanyak lima kali sejak 1974 hingga 2004. Bermula pada tahun 1959, kawasan ini dikenali sebagai Parlimen Rawang (yang meliputi Kuala Selangor dan Gombak) dan mempunyai pengundi berdaftar sebanyak 14,378 orang. Persempadanan semula pada

tahun 1974, Parlimen Rawang di pecahkan daripada Kuala Selangor (menjadi kawasan Parlimen baru). Nama kawasan parlimen ini juga telah ditukar kepada Parlimen Selayang dan mempunyai bilangan pengundi berdaftar sebanyak 40,863 orang. Bilangan pengundi pada tahun 1978 di kawasan Parlimen Selayang ialah sebanyak 81,350 orang.

Pada tahun 1982, parlimen Selayang memiliki pengundi berdaftar sebanyak 113,159 orang. Pertambahan ini adalah berikutan peningkatan pengundi di kawasan DUN Gombak yang bersempadan dengan Kuala Lumpur. Pada tahun 1986, kawasan baru yang dikenali sebagai Ampang Jaya diwujudkan (menggambil sebilangan pengundi di kawasan Gombak, bawah Parlimen Selayang) dan Parlimen Hulu Langat. Sebab itu bilangan pengundi di Selayang pada tahun 1986 menurun kepada 77,737 orang. Berikutan pertambahan penduduk yang pesat pada penghujung dekad 80an, pada tahun 1990, Selayang mencatatkan bilangan pengundi yang paling tinggi di Malaysia iaitu sebanyak 100,488 (Crouch, 1996: 58). Namun bilangan pengundi Selayang menurun kepada 78,312 pada tahun 1995. Ini berikutan pengenalan kawasan Parlimen Gombak pada tahun tersebut yang dahulunya berada di bawah Selayang.

Pada tahun 1999, bilangan pengundi di Parlimen Selayang meningkat kepada 85,571 orang. Angka ini menurun kepada 71,152 pada tahun 2004, berikutan persempadanan baru melibatkan pewujudan DUN Batu Caves (sebelum itu di bawah Parlimen Selayang) dan diletak di bawah Parlimen Gombak. Pada tahun 2008, bilangan pengundi di Parlimen Selayang meningkat semula kepada 79,557.

Kawasan Parlimen Ampang menyaksikan tiga kali proses persempadanan semula iaitu bermula pada tahun 1986 hingga 2004. Pada tahun 1959, Ampang masih tidak mempunyai ramai penduduk dan berada di bawah Parlimen Langat. Bilangan pengundi berdaftar pada masa itu ialah sebanyak 15,890 orang. Berbeza dengan Selayang yang mencatat pertambahan bilangan pengundi melebihi angka 100,000 pada tahun 1982, Ampang (Hulu Langat) hanya mempunyai pengundi sebanyak 46,033 sahaja pada tahun tersebut. Proses industrialisasi dan urbanisasi pada awal dekad 80an, khususnya dengan pengenalan Zon Kawasan Perindustrian Bebas Hulu Kelang, menyaksikan Ampang mengalami pertambahan penduduk yang pesat pada pertengahan tahun 80an. Kawasan Parlimen Ampang Jaya (pecahan daripada Hulu Langat) diwujudkan pada tahun 1986 dengan bilangan pengundi berdaftar sebanyak 69,843 (pertambahan bilangan pengundi yang mendadak ini adalah berpunca kemasukan pengundi Gombak, khususnya Taman Melawati, dan Hulu Kelang yang dulunya berada di bawah Selayang ke bawah kawasan Ampang Jaya). Pada tahun 1990, bilangan pengundi Ampang Jaya meningkat kepada 89,112. Pada tahun 1995, bilangan pengundi Ampang Jaya menurun kepada 85,954 berikutan kemasukan DUN Hulu Kelang ke Parlimen Gombak yang baru diperkenalkan.

Namun begitu, pada tahun 1999, bilangan pengundi berdaftar di Ampang Jaya mencecah 98,527. Berikutan dengan itu, kawasan Ampang Jaya di pecah menjadi Parlimen Ampang dan Parlimen Pandan dalam persempadanan semula pilihan raya yang dilakukan tahun 2002. Pada tahun 2004, pengundi berdaftar di bawah Parlimen Ampang ialah sebanyak 66,626. Dan pada tahun 2008, bilangan tersebut meningkat kepada 69,132 orang.

Komuniti Melayu sudah semestinya terlibat dengan proses urbanisasi tersebut. Di Selayang, pada tahun 1999, 2004 dan 2008, peratus pengundi Melayu ialah masing-masing sebanyak 49, 44 dan 45 peratus. Penurunan peratusan pada tahun 2004 (daripada 49 ke 44) adalah berpunca daripada kemasukan DUN Batu Caves ke Parlimen Gombak berikutan persempadanan tahun 2002. Di Ampang, pada tahun 1999, 2004 dan 2008, peratusan pengundi Melayu ialah masing-masing sebanyak 58, 55 dan 57 peratus. Penurunan peratus pada tahun 2004 (daripada 58 ke 55) ialah kerana persempadanan 2002 yang membahagikan Ampang Jaya kepada Parlimen Ampang dan Parlimen Pandan.

Proses persempadanan semula, pertumbuhan ekonomi yang pesat seperti yang dicerminkan oleh proses urbanisasi dan ketiadaan pembangkang yang efektif (seperti hujah Crouch, 1996), dan sokongan bukan Melayu, menyebabkan jangka masa selepas merdeka hinggalah menjelang PRU 11, BN berada dalam keadaan yang selesa. Namun begitu, pada tahun 1999, prestasi BN di kawasan kajian menunjukkan kemerosotan yang mendadak dan peratus undi popular kepada pembangkang didapati mengalami peningkatan.

5.2.2 Parti Politik Melayu Berhijrah ke Bandar

Sebelum pertengahan dekad 80an, UMNO tidak meletakkan calon di kerusi bandar berikutan peratusan pengundi Melayu yang kecil. Bagi kerusi-kerusi parlimen dan DUN yang berada di bandar, UMNO biasanya hanya membantu rakan mereka iaitu MCA/MIC/Gerakan berhadapan dengan DAP. Oleh sebab itu, maka mantan Timbalan Presiden UMNO, iaitu Datuk Musa Hitam pernah menyifatkan UMNO sebagai “parti

kampung” (dipetik daripada Hussain Mohamed, 1997: 221). Bila masyarakat Melayu berhijrah ke bandar, parti-parti Melayu seperti UMNO dan PAS turut bermigrasi ke bandar (Mohamad Abu Bakar, 1980).

Migrasi masyarakat Melayu ke bandar menghasilkan fenomena penempatan setingan di Kuala Lumpur dan kawasan-kawasan sekitarnya pada awal tahun 70an dan 80an. Konsentrasi penghuni setingan yang terdiri daripada orang-orang Melayu membuka ruang kepada UMNO untuk bertapak di kawasan bandar (Fawzi Basri, 1992:113). Di Ampang misalnya, UMNO di bawa oleh penduduk yang berpendapatan rendah dan berada di kampung-kampung setingan seperti Kg. Tasek Permai, Kg. Lembah Jaya Selatan, Kg. Lembah Jaya Utara, Kg. Tengah, Kg. Ampang Indah dan banyak lagi. Penghuni setingan cenderung mendekati UMNO berbanding dengan parti-parti lain kerana mereka tahu bahawa UMNO sedang memegang kuasa dan peraju kerajaan yang lebih boleh diharapkan akan dapat menjamin segala keperluan kehidupan mereka (Hussain Muhamed, 1997: 238)⁵³. Menjelang tahun 1980an dan 90an, UMNO dengan dibantu oleh penghuni setingan Melayu telah berkembang dan bertapak di Titiwangsa, Lembah Pantai, Batu (Kuala Lumpur) dan Petaling Jaya Selatan, Gombak dan Ampang (Selangor)⁵⁴.

Mobilisasi parti politik melahirkan pengundi yang setia kepada parti dan ini diungkapkan oleh seorang pemimpin kanan UMNO peringkat bahagian seperti berikut,

⁵³ Lihat juga Muhammad Abu Bakar (1980), “The Urban Politics”, dalam Harold Crouch, L.K. Hing and M. Ong (eds.), ‘Malaysian Politics and the 1978 Election. K. Lumpur.

⁵⁴ Menurut seorang pemimpin UMNO yang ditemubual, perkara ini juga berlaku di Ampang, khususnya semasa Dato’ Mufti Shuib menjadi Ketua UMNO Bahagian Ampang. Beliau telah berusaha meminta kerajaan Negeri Selangor meluluskan geran hak milik tanah kepada penduduk Kg. Sri Tanjung. Perkara ini berlaku sewaktu Muhd Muhammad Taib Menjadi Menteri Besar (awal tahun 1990an).

“Kalau ikut sejarah memang Parlimen Ampang (dulunya Ampang Jaya), UMNO/BN memang kuat. Dalam PRU 1990 contohnya, apabila Datuk Harun (bekas Menteri Besar Selangor mantan Ketua Pemuda UMNO tetapi bertanding atas tiket Parti S46) melawan seorang muka baru daripada BN, BN menang dengan majoriti besar. Berbanding dengan Datuk Harun yang ada nama besar dalam politik, nama calon BN (ketika itu) pengundi pun tak dengar, apatah lagi kenal. Pembangkang waktu itu memperingatkan pengundi tentang jasa-jasa Datuk Harun. Tetapi pengundi tidak anggap ketokohan individu yang penting, sebaliknya parti yang penting. BN lah yang banyak berjasa menabur bakti kepada penduduk, bukannya tokoh tertentu. Selepas itu, BN terus menang di Ampang, sehinggalah dalam PRU 12 yang lalu”⁵⁵.

Menjelang akhir dekad 90an, kerajaan pimpinan BN memperkenalkan dasar penyusunan semula kawasan setinggan dengan membina lebih banyak perumahan kos rendah. Pada masa ini, kepimpinan UMNO peringkat bahagian (kebanyakannya terdiri daripada ahli perniagaan dan kontraktor) melobi untuk mendapat kontrak pembinaan projek pembinaan rumah-rumah pangsa untuk penghuni setinggan. Oleh kerana pemimpin UMNO sendiri ada kepentingan, maka berlaku kes dimana warga setinggan yang terlibat dengan proses pemindahan gagal mendapat pampasan, sedangkan kampung-kampung mereka telah dimusnahkan dan diganti dengan rumah-rumah pangsa. Terdapat juga kes-kes dimana rumah yang dijanjikan terbengkalai dan penghuni terpaksa menunggu dalam jangka masa yang lama untuk mendapatkan rumah. Bagi projek perumahan yang telah siap, ada antaranya yang tidak diberi kelulusan menduduki. Perkara ini menyebabkan perpecahan mula terjadi dalam UMNO dan

⁵⁵ Temubual dengan salah seorang pemimpin kanan UMNO Ampang.

persepsi penduduk terhadap UMNO juga telah berubah. Selepas tahun 2000, cawangan-cawangan PAS dan PKR mula-mula kelihatan di kawasan-kawasan perumahan yang terlibat dengan proses pemindahan, khususnya di DUN Lembah Jaya⁵⁶.

Jika UMNO memobilisasi penghuni setinggan, parti pembangkang pula di dapati agak rapat dengan pengundi Melayu kelas menengah. Terdapat dua pendekatan yang dilakukan oleh PAS untuk mendekati golongan kelas menengah. Pertama ialah dengan menyediakan pusat-pusat asuhan kanak-kanak dan keduanya ialah dengan aktiviti pada peringkat surau. Sebagai contoh, antara Pasti (Pusat Asuhan Tadika Islam) yang digerakkan oleh sukarelawan PAS di kawasan Ampang ialah Pasti Ilmi Taman Melur, Taman Dagang, Pasti Ilmi Taman Ampang Indah dan Pasti Ilmi Taman Uda Jaya.

Penduduk yang ditemuramah dalam kajian ini semuanya berpendapat kebanyakan surau dan masjid di DUN Lembah Jaya dikuasai oleh pendokong parti PAS. Kemaraan pengaruh PAS ke atas institusi masjid dan surau di Ampang berlaku kerana masalah sikap orang-orang UMNO sendiri. Salah seorang pemimpin UMNO yang ditemui berkata,

“saya setuju jika dikatakan yang orang UMNO di Ampang ini tidak berapa mesra masjid (jarang ke masjid dan surau). Kalau dari dulu ada pemimpin UMNO pegang ahli jawatan kuasa masjid, senang sikitlah untuk kawal masjid tu, tak ada la sampai macam sekarang ini. Sekarang ini, kalau sebut sahaja masjid, ahli jawatan kuasanya mesti terdiri daripada orang-orang PAS. Masjid dan PAS macam sudah sinonim sangat”.

⁵⁶ Maklumat ini diberikan oleh salah seorang aktivis PAS di kawasan Ampang.

Masjid biasanya agak sukar untuk dikaitkan dengan pengaruh parti kerana masjid biasanya diurus oleh para Imam dan Khatib yang dibayar gaji oleh kerajaan negeri. Oleh itu, masjid biasanya lebih berhati-hati dalam terlibat dengan menganjurkan majlis ceramah atau khutbah yang berbaur politik. Sementara itu, orang-orang yang menguruskan surau biasanya terdiri daripada para aktivis atau para pendakwah yang tidak dibayar gaji oleh pihak kerajaan negeri. Jadi mereka lebih agresif dalam menganjurkan ceramah atau program berunsur politik berbanding dengan masjid⁵⁷. Sehubungan dengan itu, surau merupakan salah satu agensi penting dalam memobilisasi sokongan terhadap parti.

Daripada perbualan yang dilakukan dengan penduduk tempatan dan pemerhatian di kawasan kajian, dapat dirumuskan bahawa selepas berlaku proses penempatan semula penduduk setingan ke kawasan rumah pangsa, UMNO tidak lagi memberi harapan atau perkhidmatan yang diperlukan oleh penduduk. Semasa menjadi penghuni setingan, harapan penduduk ialah untuk memiliki rumah dan UMNO dilihat mampu memenuhi harapan tersebut. Perkhidmatan seperti menyediakan bekalan elektrik, bekalan air, dan lain-lain aspek bantuan diberikan oleh UMNO. Sebaliknya apabila rumah pangsa dan taman-taman perumahan didirikan, semua perkhidmatan tersebut sudah tidak lagi relevan. Dalam masa yang sama, PAS sebenarnya menyediakan 'perkhidmatan' kepada penduduk bandar dengan menghidupkan surau dan masjid menerusi kegiatan-kegiatan berbentuk ceramah, pendidikan, pengurusan jenazah dan sebagainya. Surau dan masjid didapati tidak didekati oleh para pemimpin UMNO kawasan, kecuali pada musim perayaan. Oleh itu, tidak hairanlah mengapa PAS didapati lebih relevan kepada penduduk kawasan bandar berbanding dengan UMNO.

⁵⁷ Temuramah bersama Professor Dr. Mansor Mohd Noor, KITA-UKM, Bangi.

Seterusnya, isu-isu semasa seperti korupsi dan amalan kroni yang dilihat semakin berleluasa pada era pentadbiran Abdullah Hj. Ahmad Badawi dan dalam masa yang sama rakyat berhadapan dengan krisis kenaikan harga barang, menyebabkan ada anggota masyarakat yang bertanya ‘apa yang kita (Melayu) dapat daripada pembangunan ekonomi?’? Komuniti Melayu bandar sebahagian besarnya bekerja dengan kerajaan dan apabila berlaku kenaikan harga barang, pendapatan mereka menjadi semakin merosot⁵⁸.

Di kawasan luar bandar, Persatuan Ibu bapa dan Guru (PIBG), Pertubuhan Peladang, Persatuan Belia dan seumpunya, merupakan antara institusi sosial yang dijadikan batu loncatan kepada para pemimpin UMNO/BN untuk mendekati anggota masyarakat. Di kawasan bandar, UMNO didapati agak sukar untuk menguasai persatuan penduduk khususnya di kawasan perumahan yang terdiri daripada kelas menengah. Mengikut beberapa orang responden yang ditemu bual dalam kajian ini, persatuan penduduk di kawasan Ampang banyak dipimpin oleh pendokong Pakatan, khasnya PKR.

5.2.3 Peningkatan Literasi Politik

Di tahun-tahun 1990an, berikutan pertumbuhan ekonomi pesat yang dialami oleh negara ketika itu, kelas menengah Melayu bandar menyokong UMNO dan mengharapkan parti itu membawa lebih banyak pembangunan. Pembangunan ekonomi yang dilakukan oleh

⁵⁸ Ibid

kerajaan pada masa tersebut dilihat dapat mengurangkan jurang antara etnik dan antara kaya dengan miskin. Namun begitu terdapat juga sebahagian anggota kelas menengah Melayu menjadi kritikal terhadap UMNO dan mengundi parti pembangkang (Rahman Embong, 1999:270). Dalam dekad 90an dan tahun-tahun 2000 hingga 2008, kelas menengah Melayu yang terlibat dengan sektor swasta semakin bertambah dan perkara ini memungkinkan mereka membentuk mempunyai tahap literasi politik yang berbeza dengan generasi sebelumnya yang banyak terdapat dalam sektor kerajaan.

Namun begitu, era reformasi (1998-2001) dan pentadbiran Abdullah Hj Ahmad Badawi mengubah lanskap literasi politik di negara ini termasuk di kawasan kajian. Dimensi idea dalam literasi politik bertemu dengan institusi apabila parti-parti pembangkang bersatu menerusi Pakatan dan giat berkempen mendedahkan masalah dalam pentadbiran Abdullah Hj Ahmad Badawi. Mengikut Syed Arabi Idid, sifat komuniti Melayu bandar yang mementingkan nilai-nilai “moderate” dan progresif menyebabkan mereka sukar menyesuaikan diri dalam parti seperti UMNO dan PAS. Mereka tidak menerima pendekatan tradisional dan kepimpinan ulama sepertimana yang terdapat dalam PAS. Apa yang berlaku terhadap Hassan Ali dan Nasharuddin Mat Isa setelah mereka menyertai PAS adalah contoh jelas. Kedua tokoh ini mewakili profesional Melayu bandar, Mereka menyertai PAS setelah krisis politik melibat Anwar dan Mahathir pada tahun 1998. Pandangan dan pendirian mereka sentiasa bertentangan dengan kepimpinan PAS dan mereka tidak popular dalam PAS⁵⁹. Contoh ini menunjukkan pengundi bandar memerlukan parti yang progresif dan sesuai dengan jiwa

⁵⁹ Hassan Ali baru sahaja dipecat daripada PAS berikutan beberapa kenyataan kepada media massa yang bercanggah dengan kepimpinan PAS, khususnya berhubung penyertaan pimpinan PAS dalam perhimpunan 901. 901 ialah perhimpunan untuk menyatakan sokongan kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim berikutan keputusan mahkamah berkenaan kes liwat beliau yang diadakan pada 9 Januari 2012. Untuk penganalisaan terhadap sifat Melayu Bandar dan peranan Islam sila lihat Judith Nagata (1984) dan Muhammad Abu Bakar (1980).

mereka dan dalam konteks ini, PKR mampu mengisi kekosongan tersebut. Dengan kata lain, pengundi bandar perlu kepada parti yang bersifat bandar (urban party)⁶⁰.

Seterusnya apabila PKR bekerjasama dengan PAS dan DAP menerusi pakatan, ia membuka ruang sebagai parti yang dapat menggantikan BN dengan Anwar sebagai Perdana Menteri. Walaupun PKR mendakwa mereka adalah parti pelbagai kaum, tetapi sokongan kuat kepada parti itu diberikan oleh komuniti Melayu kelas menengah dan bersifat urban. Anwar Ibrahim yang menjadi pemimpin '*de facto*' PKR dilihat oleh kumpulan kelas menengah sebagai pro-Islam dan mewakili komuniti profesional bandar.

Jadual 5.1: Perbandingan PRU 2004 dan 2008 di DUN di bawah parlimen Ampang dan Selayang

DUN	Parti Bertanding	Jumlah Undi 04'	Parti Bertanding	Jumlah Undi 08'
N13 Kuang*	BN	8,016	BN	7,049
	PKR	3,151	PAS	6,532
N15Tmn Templer**	BN	16,536	BN	14,600
	PAS	8,911	PKR	13,987
N19Bkt Antarabangsa***	BN	14,900	BN	10,350
	PKR	7,029	PKR	11,731
N20 Lembah Jaya	BN	17,092	BN	12,954
	PAS	7,785	PAS	15,182

Nota: * Kawasan baru, sebelum itu dikenali sebagai N15 Paya Jaras
 ** Sebelum ini dikenali sebagai N14 Selayang Baharu
 *** Sebelum ini dikenali sebagai N19 Ampang

Sumber: SPR

Di kawasan kajian, calon-calon UMNO mendapat sokongan tinggi daripada pengundi semasa PRU 11 (lihat jadual 5.1 di atas). Namun begitu, semasa PRU 12, calon-calon UMNO kalah dua kerusi DUN di Ampang (termasuk

⁶⁰ Temubual dengan Syed Arabi Iddid, 16 Januari 2012.

kerusi parlimen) dan masih dapat bertahan di kawasan DUN di Selayang (tewas peringkat parlimen). Apakah angkubah yang dapat menjelaskan perkara ini pada peringkat pengundi?

5.3 Perbezaan Mobilisasi dan Kategori Pengundi Melayu Bandar

Perbincangan setakat ini menunjukkan bagaimana secara umumnya wujud dua bentuk mobilisasi ke atas masyarakat Melayu bandar, iaitu menerusi dimensi institusi seperti parti-parti politik dan dimensi idea. Mobilisasi institusi dan mobilisasi idea merupakan dua fenomena yang tidak berlaku serentak dan apabila bertemu, ianya menghasilkan jenis-jenis pengundi yang berbeza. Ini adalah kerana, kategori atau tipologi pengundi tertentu mempunyai asas yang berbeza yang memandu mereka semasa membuat keputusan mengundi. Perbincangan seterusnya dalam bab ini adalah berdasarkan kepada penemuan kajian yang dilakukan menerusi soalan kaji selidik terhadap 320 pengundi di kawasan parlimen Ampang dan Selayang, di Selangor.

5.3.1 Profail Asas Responden

Jadual 5.2 di bawah meringkaskan latar belakang responden bagi kajian ini. Daripada keseluruhan 320 responden, 60.3 peratus adalah lelaki dan 39.7 peratus terdiri daripada wanita. Sebanyak 41.3 peratus daripada responden terdiri daripada pengundi

dewasa (31-40 tahun), 45.6 peratus lagi memiliki kelayakan di tahap diploma dan ke atas (kelas menengah) dan 45.7 peratus responden berada dalam lingkungan pendapatan pertengahan (antara RM1501 hingga RM4500).

Jadual 5.2: Profail Asas Responden.

UMUR	21-30 tahun	31-40 tahun	41-50 tahun	51-60 tahun	
PERATUS (%)	37.9	26.0	20.5	4.5	
JANTINA	Lelaki	Perempuan			
PERATUS (%)	53.9	46.1			
ETNIK	Melayu	Cina	India	Bumi Sabah & Sarawak	
PERATUS (%)	64.3	15.8	10.4	8.3	
KELAYAKAN AKADEMIK	Sijil	Diploma	Sarjana muda	Lain-lain	
PERATUS (%)	37.1	20.2	21.0	18.1	
PENDAPATAN*	RM1500 ke bawah	RM1501- RM3000	RM3001- RM4500	RM4501- RM6000	RM6001 dan ke atas
PERATUS (%)	46.0	32.6	13.1	5.6	2.7

Nota: * Mengikut laporan yang dikeluarkan oleh United Nations Development Programme (UNDP) (2007: 61), garis kemiskinan yang ditetapkan pada tahun 2004 untuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ialah sebanyak RM1,115 bagi individu. Memandangkan kawasan kajian berada bersebelahan dengan pusat bandar Kuala Lumpur dan mengalami kenaikan harga bahan api dan seterusnya harga barang yang berlaku antara 2006-2007, jumlah pendapatan sebanyak RM1500 dan ke bawah difikirkan wajar menjadi garis kemiskinan pada tahun 2008-2010.

Sumber: Data Kaji Selidik

5.3.2 Kategori Pengundi dan Umur


Jadual 5.3 di bawah menunjukkan perbezaan kategori pengundi mengikut umur. Kajian ini menunjukkan bahawa kategori PAB mencatatkan peratus paling bagi semua peringkat umur, kecuali bagi pengundi berumur antara 31-40 sahaja. Peratus PAB paling tinggi dicatatkan di kalangan pengundi yang berusia melebihi 51 tahun dan ke

atas (55.9 peratus) diikuti oleh pengundi yang berusia antara 41-50 tahun (48.4 peratus) dan pengundi yang berusia antara 21 hingga 30 tahun (41.5 peratus). Penemuan ini menunjukkan pengundi Melayu yang berusia melebihi 41 tahun dan ke atas merupakan kategori PAB yang paling ramai.

Jadual 5.3: Perbezaan Kategori Pengundi dan Mobilisasi Mengikut Umur

Kategori Pengundi	Umur			
	21-30	31-40	41-50	>51
PAB	41.5	25.8	48.4	55.9
PPB	24.6	39.4	29.7	20.3
PSP	30	28	20.3	18.6
TMP	3.1	6.8	1.6	5.1
Jumlah	65	132	64	59

Sumber: Data kaji selidik



Rajah 5.2: Perbezaan Tipologi Pengundi dan Mobilisasi Mengikut Umur

Sumber: Data kaji selidik

Sementara itu, kategori PPB mencatatkan peratusan paling tinggi bagi pengundi yang berusia antara 31 hingga 40 tahun. Kategori PSP mencatatkan peratusan paling banyak bagi peringkat umur antara 21 hingga 30 tahun (30 peratus). Mana kala kategori TMP pula mencatatkan peratus agak tinggi (6.8 peratus) bagi pengundi yang berada pada usia antara 31 hingga 40 tahun.

Rajah 5.2 di atas membantu memberi gambaran lebih jelas mengenai kategori pengundi dan peringkat umur. Kategori PAB memberi jawapan kepada peralihan undi yang berlaku di kawasan campuran. Ini adalah kerana mereka tidak setia kepada mana-mana parti dan membuat keputusan bergantung kepada penilaian mereka sendiri. Jika diperhatikan, pengundi di kawasan bandar yang melepasi peringkat umur antara 41 tahun dan ke atas pada kebiasaannya merupakan golongan pengundi yang telah stabil dari segi kerjaya dan memiliki anak-anak pada usia remaja. Mereka inilah yang kritikal terhadap proses politik yang berlaku di negara ini.

Kategori PAB juga agak tinggi dicatatkan bagi pengundi yang berusia antara 21 hingga 30 tahun (41.5 peratus) dan hanya sebahagian kecil yang bersimpati terhadap parti (PPB, 30 peratus). Peratusan ini agak tinggi jika dibandingkan dengan penemuan Dalton (2012: hlm. 40-41) di Jerman, iaitu sekitar 29 peratus (bagi peringkat umur yang sama). Peratusan PAB yang agak tinggi khususnya kepada pengundi di bawah 30 tahun (41.5 peratus) dalam kajian ini tidaklah memmeranjatkan kerana sampel di ambil daripada kawasan bandar, di mana teknologi komunikasi dan maklumat mengenai politik mudah diperolehi.

Kategori PPB menjadi semakin besar peratusannya apabila pengundi mencecah usia sekitar 31 hingga 40 tahun. Adalah dipercayai, kumpulan umur ini merupakan

kumpulan yang telah mengundi buat pertama kali semasa PRU 10 (1999) dan tinggi tahap literasi politiknya berikutan pergolakan yang berlaku semasa era reformasi (1998-2001). Corak yang ditunjukkan oleh pengundi berumur 31 hingga 40 tahun dalam kajian ini hampir sama dengan penemuan Dalton (2012).

Merentasi kategori umur, PSP dan pengundi TMP (tahap literasi politik rendah) 35 peratus hingga 25 peratus. Data ini menunjukkan bahawa, bagi kawasan bandar, pengundi Melayu yang menjadi pendokong kuat parti dan mendapat maklumat politik berdasarkan parti jauh lebih kecil berbanding dengan pengundi atas pagar yang terbahagi kepada PAB dan PPB.

Jadual 5.4: Perbezaan Tipologi Pengundi dan Mobilisasi Mengikut dan Kelas Sosial

Tipologi Pengundi	Kelas Menengah	Kelas Pekerja
PAB	56.8	24.1
PPB	16.4	43.1
PSP	22.6	27.6
TMP	4.1	5.2
Jumlah	148	174


Sumber: Data kaji selidik

Struktur kelas sosial juga mempunyai kekuatan tersendiri yang mencerminkan perbezaan dalam corak mobilisasi parti dan literasi politik. Golongan kelas menengah lebih meminati politik dan mempunyai sumber yang lebih banyak untuk memahami kompleksiti dunia politik tanpa bergantung kepada maklumat daripada parti (Dalton, 1984: 273). Data kajian ini (lihat jadual 5.4) menunjukkan bahawa majoriti (56.8 peratus) kelas menengah berada dalam kategori PAB. Hanya sebahagian kecil, iaitu 22.6 peratus daripada kumpulan kelas menengah terdiri daripada pengundi PSP. Bagi kelas pekerja pula, didapati sebahagian besar daripada mereka berada dalam kategori

PPB (43.1 peratus), diikuti oleh PSP (27.6 peratus) dan PAB (24.1 peratus). Dapatan ini menunjukkan sebahagian besar kelas pekerja memiliki kesetiaan yang ‘lemah’ terhadap parti dan menjadi golongan yang berpotensi mengalihkan undi diantara PRU.

5.3.3 Kategori Pengundi dan Masa Membuat Keputusan

Salah satu aspek yang ditekankan oleh aktivis mana-mana parti politik ialah membuat keputusan awal dan menggalakkan penyertaan politik semasa kempen PRU. Penyokong setia parti biasanya membuat keputusan lebih awal sementara golongan atas pagar biasanya membuat keputusan menjelang saat-saat akhir sebelum hari pembuangan undi (Dalton, 2012: 41). Hasil kajian ini menunjukkan bahawa majoriti semua golongan pengundi membuat keputusan sebelum tempoh kempen rasmi (masing-masing melebihi 70 peratus, lihat rajah 5.3).



Rajah 5.3: Komitmen Mengundi dan Masa Membuat Keputusan

Sumber: Data kaji selidik

Hanya sebilangan kecil golongan pengundi PPB dan PSP yang membuat keputusan semasa tempoh berkempen (iaitu 25.3 peratus dan 17 peratus). Dapatan kajian ini menunjukkan teknik kempen penting bagi golongan PPB dan PSP. Ia secara tidak langsung menunjukkan dua kumpulan pengundi ini bersedia melakukan peralihan undi terhadap sesebuah parti. Bagi pengundi PSP, dapatan kajian ini menunjukkan peratusan yang agak besar kepada PSP yang membuat keputusan semasa kempen (17.3 peratus).

Penemuan ini berbeza sedikit dengan hujah teori literasi politik yang menyatakan PSP biasanya membuat keputusan lebih awal. Data kaji selidik tidak dapat menghuraikan masalah ini, tetapi kajian lanjut menerusi temuduga dapat menjelaskan apa yang sebenarnya berlaku. Selain masalah yang dinyatakan seperti di atas, wujud masalah wakil rakyat yang dilihat oleh pendokong parti sendiri, khususnya UMNO Ampang yang terlalu lama memegang kuasa. Berikutan dengan itu, calon tersebut ditolak oleh PSP. Seterusnya bagi DUN Kuang, temuduga yang dilakukan bersama pemimpin PAS peringkat kawasan menunjukkan mereka tidak berapa setuju dengan calon yang diletakkan, iaitu daripada PKR. Perkara ini mungkin menimbulkan undi protes daripada PSP terhadap parti semasa hari mengundi.

5.3.4 Kategori Pengundi dan Asas Membuat Keputusan

Teori literasi politik mengklasifikasikan pengundi bagi tujuan untuk mengenalpasti golongan mana yang berpotensi melakukan peralihan undi. Antara angkuabah yang

digunakan ialah asas kepada pilihan pengundi membuat keputusan yang dibahagikan kepada empat kategori seperti berikut: 1) parti, 2) calon, 3) matlamat politik, 4) isu spesifik, dan 5) keuntungan kepada sosial (Dalton, 2012: 42). Melalui analisis ‘crosstabulates’, Dalton mendapati terdapat perbezaan ketara antara kumpulan PAB dan PSP. PAB memberikan peratusan yang tinggi terhadap matlamat politik, manakala PSP pula memberi peratusan yang tinggi terhadap parti.

Jadual 5.5: Asas Pengundian Mengikut Tipologi Pengundi

	PAB	PPB	PSP	TMP
Parti	5.6	37.4	28.4	13.3
Calon	39.2	25.3	25.9	73.3
Matlamat Politik	53.6	36.4	45.7	13.3
Isu Spesifik	1.6	1.0	0	0

Sumber: Data kaji selidik

Hasil kajian ini (jadual 5.5) menunjukkan PAB dan PSP memberikan peratusan yang agak tinggi terhadap matlamat politik (53.6 dan 45.7 peratus). Tetapi, apabila dilihat peratusan terhadap parti, PSP kelihatan memberi peratusan yang besar berbanding dengan PAB. Ini menunjukkan PSP di kawasan kajian berpotensi melakukan sabotaj semasa PRU seperti dinyatakan di atas sekiranya calon yang diletakkan tidak memenuhi hasrat mereka (25.9 peratus).

Data ini juga menunjukkan PAB memberikan peratusan yang besar (39.2 peratus) bagi kategori calon sebagai asas pilihan ketika mengundi. Matlamat politik dan kriteria calon yang dipilih sebagai dua asas utama ketika membuat keputusan mengundi menunjukkan kumpulan PAB secara umumnya boleh membuat peralihan undi.

Sementara itu, kumpulan PPB menunjukkan ‘dual komitmen’ dalam membuat keputusan, iaitu parti dan matlamat politik (37.4 dan 36.4 peratus). Ini menunjukkan sejumlah besar daripada kumpulan PPB berpotensi untuk mengalihkan undi, sementara sebahagian lagi akan terus setia kepada parti.

Bagi kumpulan TMP pula, didapati calon merupakan asas utama kepada mereka (73.3 peratus) dalam membuat keputusan. Apa yang membezakan antara kumpulan yang tidak terikat dengan parti seperti PAB dan TMB ialah matlamat politik. Dengan kata lain, PAB membuat penilaian dalam konteks idea politik yang lebih besar berbanding dengan kumpulan TMP yang melihat kepada perkara yang dekat dengan mereka, iaitu calon.

5.4 Rumusan Bab

Perbincangan dalam bab ini dimulai dengan dengan gambaran ringkas terhadap proses migrasi masyarakat Melayu ke bandar berikutan polisi pembangunan yang dilaksanakan oleh kerajaan pusat dalam dekad 70an hingga 90an. Pembangunan dan perubahan persekitaran seperti dari perumahan setinggan kepada kawasan rumah pangsa serta taman-taman perumahan menyebabkan pemikiran masyarakat terhadap parti pada peringkat kawasan mengalami perubahan. Parti penyandang, iaitu UMNO tidak lagi dilihat dapat memenuhi kehendak dan aspirasi masyarakat Melayu bandar. Sebaliknya, kecenderungan komuniti Melayu bandar yang cenderung kepada identiti Islam dan

kegiatan berbentuk keagamaan menjadikan ‘perkhidmatan’ yang diberikan oleh PAS dilihat sebagai lebih relevan.

Kajian ini mendapati pengundi yang berusia melebihi 41 tahun merupakan kelompok PAB yang paling besar. Ini menunjukkan proses kerenggangan politik telah lama wujud di kalangan pengundi Melayu bandar. Seterusnya, asas pembuatan keputusan mengundi didapati berbeza mengikut kumpulan pengundi, khasnya antara PAB dan TMP. Sebahagian daripada PPB dan PSP juga didapati keluar daripada kebiasaan dan menunjukkan potensi untuk menukar corak pengundian.

Memandangkan kumpulan PAB adalah agak besar berbanding dengan kumpulan lain dan secara majoritinya, kumpulan ini berpotensi melakukan peralihan undi. Ini adalah kerana mereka tidak terikat dengan parti dan mempunyai kemahiran tinggi dalam mengumpul dan menilai maklumat politik. Tetapi ini tidak bermakna kumpulan lain tidak membuat penilaian semasa berhadapan dengan PRU. Apakah aspek atau angkubah yang dinilai semasa PRU 2008 yang lalu oleh kumpulan pengundi yang berbeza tersebut adalah penting untuk diteliti. Ini adalah kerana angkubah yang menjadi penilaian tersebut merupakan penentu kepada pengundian. Perkara ini menjadi fokus perbincangan dalam bab berikutnya.